



NEGERI BRUNEI

E 6 TAHUN 1979

UNDANG2 LESEN2 RAMPAIAN, 1978

Beta bersetuju



.....
HASSANAL BOLKIAH
Sultan

[7.2.1979]

Satu Undang2 untuk mengadakan sharat bagi meleseni, mengator dan mengawal beberapa tempat dan kegiatan perdagangan yang tertentu dan bagi maksud2 yang berkaitan dengan-nya.

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti yang berikut:—

Gelaran
pendek and
permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sebagai Undang2 Lesen2 Rampaihan, 1978 dan akan berjalan kuat-kuasa-nya pada satu tarikh yang Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menetapkan.

Peratoran2.

2. (1) Ada-lah sah bagi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat dengan peratoran2 untuk membuat sharat bagi —

- (a) meleseni, mengator dan mengawal mana2 tempat, perdagangan atau perniagaan atau pekerjaan yang di-nyatakan dalam Jadual;
- (b) menentukan dan memperjeniskan bagi maksud perenggan (a) mana2 tempat, perdagangan, perniagaan atau pekerjaan terhadap mana sasuatu lesen boleh di-keluarkan di-bawah Undang2 ini;
- (c) bentok dan sharat2 apa juu lesen yang di-beri di-bawah Undang2 ini, pehak berkuasa yang boleh mengeluarkan lesen tersebut serta bayaran2-nya, dan tempoh bagi yang mana lesen sademikian akan di-keluarkan;
- (d) langkah2 penchegahan yang akan diambil terhadap kebakaran di-dalam mana2 tempat yang di-leseni di-bawah Undang2 ini;
- (e) menjaga keamanan dan ketenteraman di-dalam mana2 tempat yang di-leseni di-bawah Undang2 ini;
- (f) chara2 menentukan keadaan2 kebersihan dan keperluan menjaga keadaan2 sedemikian di-dalam mana2 tempat yang di-leseni di-bawah Undang2 ini;
- (g) memasuki dan memereksa mana2 tempat yang di-leseni di-bawah Undang2 ini;
- (h) mengechualikan mana2 tempat, perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang terletak atau di-jalankan di-dalam kawasan2 yang di-tentukan; atau di-buka atau di-jalankan oleh mana2 orang atau golongan orang2 dari kuatkuasa Undang2 ini, atau sa-barang

bahagian daripada-nya atau dari sebarang peratoran2 yang di-perbuat di-bawah-nya, dan menentukan serta mengubah sempadan2 kawasan2 sedemikian; dan

- (i) pada 'am-nya menjalankan kuatkuasa sharat2 Undang2 ini.

(2) Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mashuarat boleh dengan peratoran meminda Jadual kapada Undang2 ini.

Larangan untuk berdagang dsb. tanpa sesuatu lesen.

3. Tiada sesiapa pun boleh membuka atau terus membuka mana2 tempat, atau menjalankan apa jua perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang di-tentukan dalam Jadual kechuali di-bawah dan menurut sa-suatu lesen yang di-keluarkan di-bawah Undang2 ini.

Pemberian lesen2 pembatalan dan rayuan2.

4. (1) Terta'lok kapada sharat2 cheraian (3) dari bab ini pemberian apa jua lesen yang di-keluarkan, atau yang akan di-keluarkan di-bawah Undang2 ini ada-lah atas pertimbangan mutlak pehak berkuasa melesen.

(2) Pehak berkuasa melesen boleh membatalkan sa-suatu lesen yang telah di-berikan kapada sesiapa jua jika terbukti hingga memuaskan adanya sa-suatu kesalahan terhadap Undang2 ini atau kelakuan salah yang lain oleh orang itu.

(3) Sa-suatu rayuan hendak-lah di-buat kapada Mentri Besar terhadap keputusan pehak berkuasa melesen di-bawah bab ini.

Waran2 Menggeledah.

5. Jika di-buktikan nyata kapada sa-saorang majistret dengan ma'alumat yang di-berikan sechara bersumpah bahawa ada sebab untok memperchayai yang sa-suatu kesalahan terhadap Undang2 ini sedang di-lakukan di-mana2 tempat, maka majistret itu boleh mengeluarkan waran yang membenarkan mana2 pegawai pulis untok memasuki dan menggeledah tempat tersebut dan untok menangkap orang2 dan merampas doku-

men2 serta barang2 yang mungkin di-dapati di-dalam tempat tersebut.

- Kesalahan2.** 6. Tiap2 orang yang melanggar mana2 sharat dari Undang2 ini atau mana2 peratoran yang di-perbuat di-bawah-nya atau yang gagal mematahhi mana2 sharat atau sekatan yang telah di-kenakan oleh atau di-bawah Undang2 ini ada-lah di-anggap melakukan satu kesalahan terhadap Undang2 ini.
- Hukuman.** 7. (1) Tiap2 orang yang melakukan atau chuba melakukan apa jua kesalahan terhadap Undang2 ini akan jika di-dapati thabit kesalahan-nya di-kenakan hukuman denda yang tidak melebeli lima ribu ringgit.
(2) Dengan tidak menghiraukan sharat2 dari mana2 Undang2 bertulis yang bertentangan Mah-kamah Majistret Kelas Satu mempunyai bidang-kuasa untuk membicharakan mana2 kesalahan di-bawah Undang2 ini dan menjatohkan hukuman sapanoh-nya bagi kesalahan itu.
- Pekerja2 dan ejen2.** 8. Jika sa-saorang ejen atau pekerja, semasa menjalankan pekerjaan-nya, melakukan atau tidak melakukan, sesuatu perbuatan perlakuan yang mana atau tidak melakukan-nya oleh ketua atau majikan-nya akan menjadi satu kesalahan terhadap Undang2 ini atau mana2 peratoran yang di-buat di-bawah-nya maka ia ada-lah bersalah, dan, jika di-buktikan bahawa perbuatan atau tidak melakukam perbuatan itu telah di-lakukan dengan kebenaran atau pengetahuan, atau di-sebabkan oleh kechuaian pehak ketua atau majikan-nya, maka ketua atau majikan tersebut ada-lah di-anggap bersalah dan boleh di-ambil tindakan ter-hadap-nya dan di-hukum dengan sa-wajar-nya.
- Pengechualian.** 9. Sharat2 dari Undang2 ini ada-lah sebagai tambahan kapada dan bukan melemahkan sharat2 dari mana2 undang2 bertulis yang lain berhubong dengan atau berkenaan dengan apa jua tempat, perdagangan, perniagaan atau pekerjaan berhabit dengan mana Undang2 ini di-kenakan.

Sharat2
peralehan.

10. Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun jua yang terkandong di-dalam Undang2 ini, sa-saorang yang sebaik2 sahaja sebelum tarikh permulaan Undang2 ini atau mana2 peratoran di-bawah cheraian (2) dari bab 3 terus membuka apa jua tempat atau telah menjalankan apa jua perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang ditentukan dalam Jadual, ada-lah berhak melakukan yang sama tanpa sesuatu lesen:—

- (a) bagi selama tempoh dua belas bulan mulai dari tarikh permulaan Undang2 ini, atau tarikh permulaan mana2 peratoran di-bawah cheraian (2) dari bab 3; dan
- (b) jika sebelum tamatnya tempoh itu ia memohon sa-suatu lesen berthabit dengan yang sama, sa-hingga lesen tersebut di-beri atau akhirnya di-tolak atau permohonan itu di-tarek balek.

J A D U A L

- (a) Kedai2 kopi, kedai2 makan, rumah2 penginapan, rumah2 tumpangan atau tempat2 lain untuk peristirehatan dan perjamuan orang ramai.
- (b) Penjaja2.
- (c) Pedagang kereta.
- (d) Seteshen Minyak termasok tempat2 menyimpan minyak dan benda2 yang mudah terbakar.
- (e) Kedai runchit.
- (f) Setor kayu dan membuat alat2 perabot.
- (g) Bengkel kereta. Corrig. E 15/82

Di-luluskan pada 14hb Disember, 1978.

JUDIN ASAR
*Jurutulis, Majlis Mashuarat Negeri,
 Brunei.*